



KRITERIA & PERATURAN PERTANDINGAN MONUMEN ISES

1) KETERANGAN

Semua PTJ yang terlibat dengan booth pameran di Fiesta ISES 2023 perlu menghasilkan Monumen berdasarkan ISES menggunakan bahan kitar semula.

2) SYARAT PENYERTAAN

- a) Pertandingan ini adalah **WAJIB** kepada semua PTJ yang terlibat dengan booth pameran di Fiesta ISES 2023.
- b) Penyertaan hanya terbuka kepada **STAF di PTJ berkenaan** sahaja.
- c) Setiap PTJ hanya dibenarkan menghantar **1 PENYERTAAN** sahaja. Pihak urus setia berhak menolak penyertaan yang lebih dari 1, tidak lengkap atau lewat.
- d) Setiap penyertaan perlulah mengikuti **KRITERIA YANG TELAH DITETAPKAN**

3) KRITERIA PENYERTAAN

a) Struktur Binaan (30%)

- i) Penghasilan struktur monumen perlu menggunakan bahan kitar semula
- ii) Struktur binaan perlu kukuh dan kuat

b) Saiz (5%)

- i) Ketinggian : 4 - 5 kaki
- ii) Lebar : 2 - 3 kaki

c) Rekabentuk Hasil (25%)

Rekabentuk hasil perlulah mengetengahkan Kreativiti, Kekemasan dan Keaslian Penghasilan Karya

d) Mesej atau Nilai ISES (30%)

Mesej atau nilai ISES perlulah mengetengahkan maklumat berikut:

- i) Intepretasi & relevansi antara mesej dan binaan secara keseluruhan
- ii) Nilai ISES diterjemahkan satu persatu dalam binaan monumen

e) Poster Pembentangan (10%)

Setiap PTJ perlu menghasilkan poster yang menerangkan tentang monumen yang dihasilkan dengan mematuhi format berikut:

- i) Menggunakan kertas bersaiz A3.
- ii) Menggunakan font, saiz tulisan, grafik dan gambar bersesuaian dengan monumen.
- iii) Mengandungi item berikut: Nama PTJ, Tajuk Monumen, Gambar dan Penerangan Monumen, Bahan, Saiz, Nilai ISES dan lain - lain maklumat yang berkaitan.
- iv) Peralatan bagi pameran poster perlu disediakan oleh PTJ.
- v) Poster perlu dipamerkan bersama-sama monumen.



KRITERIA & PERATURAN PERTANDINGAN MONUMEN ISES

4) PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PENYERTAAN

- a) Semua urusan pendaftaran penyertaan perlu dibuat **bermula 3 Disember 2023 sehingga selewat - lewatnya 11 Disember 2023 (Isnin)(Sebelum jam 5.00 petang)** secara atas talian melalui pautan berikut:
<https://forms.gle/Vd2kCaLK7DyAqNoi9>
- b) Maklumat yang perlu diisi adalah seperti berikut:
 - i) Nama PTJ,
 - ii) Tajuk Monumen,
 - iii) Nama Pegawai Bertanggungjawab (PIC) dan No. Telefon,
 - iv) Senarai Nama Ahli.
- c) Semua butiran penyertaan perlu diisi dengan lengkap dan tepat.
- d) **Pendaftaran perlulah melalui Pegawai Sumber Manusia (PSM) PTJ.**

5) PENJURIAN

- a) Lantikan panel juri adalah di bawah penyelarasan urus setia pertandingan Monumen ISES.
- b) Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**. Sebarang aduan dan rayuan berkaitan dengan keputusan pertandingan tidak akan dilayan.
- c) Proses Penjurian:
 - i) **Peringkat Pertama:**
 - Setiap monumen perlu **dipamerkan** di ruangan yang telah ditetapkan pada **19 Disember 2023** bermula jam **8.00 pagi**. Kerja - kerja persiapan terakhir pembinaan monumen perlu dilakukan sebelum jam 10.00 pagi.
 - Setiap PTJ perlu mempunyai **seorang PIC** yang telah ditetapkan dan bersedia sepanjang masa berhampiran monumen untuk memberi penerangan (10.30 - 11.30 Pagi).
 - Setiap PTJ diberikan **5 minit** untuk memberikan penerangan.
 - Jika selepas dari masa yang ditetapkan, penjurian masih belum selesai dilakukan, PTJ yang masih belum dinilai perlu menunggu sehingga penjurian selesai dilakukan.
 - Semua PTJ akan dinilai pada 19 Disember 2023 dan 5 finalis akan dipilih dari keseluruhan penyertaan.
 - 5 finalis yang berjaya akan dimaklumkan untuk bersedia bagi **Peringkat Kedua**.
 - ii) **Peringkat Kedua:**
 - **5 finalis** yang terpilih perlu membuat pembentangan pada **20 Disember 2023 (2.00 hingga 3.00 petang)**.
 - Pemakluman keputusan adalah pada sewaktu Majlis Penutup Fiesta ISES 2023 pada **20 Disember 2023 (4.00 - 5.00 petang)**.

6) TUNTUTAN HAK CIPTA

Pihak UTM berhak menggunakan monumen yang dihasilkan bagi tujuan pengkomersialan ISES pada masa akan datang.



KRITERIA & PERATURAN PERTANDINGAN MONUMEN ISES

7) HADIAH & SIJIL PENYERTAAN

a) Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- | | | |
|------|-----------------------------------|------------------|
| i) | Tempat Pertama | : RM1,000 |
| ii) | Tempat Kedua | : RM700 |
| iii) | Tempat Ketiga | : RM500 |
| iv) | Penghargaan Tempat Keempat | : RM200 |
| v) | Penghargaan Tempat Kelima | : RM200 |

b) Semua penyertaan akan diberikan e-sijil.

8) URUS SETIA PERTANDINGAN

Sebarang persoalan berkaitan pertandingan ini, boleh berhubung dengan urus setia seperti berikut:

- a) Puan Siti Noraishah binti Mohammad Ramlan (snoraishah@utm.my)
b) Puan Saodah binti Saidin (saodah@utm.my)